

11/06/2003

Junta janji bebaskan Suu Kyi

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Junta Myanmar berjanji membebaskan secepat mungkin pemimpin

pembangkang, Aung San Suu Kyi, yang kini diletakkan di bawah tahanan sementara berikutan pertempuran di antara penyokong beliau dan kerajaan yang menyebabkan empat terbunuh dan 50 lain cedera pada akhir bulan lalu.

Wakil khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, berkata perkara itu dinyatakan kepada beliau dalam pertemuan dengan pihak pemerintah negara itu dalam misi terbaru beliau ke sana.

"Saya minta mereka membebaskan Suu Kyi serta merta dan mereka berkata akan mempertimbang untuk membebaskan beliau secepat mungkin," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di Singapura dalam perjalanan pulang ke Malaysia selepas menemui pemenang anugerah keamanan Nobel itu pagi semalam.

Razali ke Myanmar Jumaat lalu bagi mendapatkan penjelasan daripada kerajaan Myanmar berhubung insiden penahanan Suu Kyi dan operasi besar-besaran terhadap pembangkang prodemokrasi negara itu. Beliau hanya dibenarkan menemui Suu Kyi pagi semalam.

Pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) diletakkan di bawah tahanan sementara berikutan insiden 30 Mei itu yang didakwa Yangon tercetus apabila rombongan kenderaan Suu Kyi cuba menerobosi ribuan penyokong kerajaan yang sedang menunjuk perasaan dan menyebabkan empat terbunuh.

Bagaimanapun, pemimpin pembangkang yang berlindung di Thailand mendakwa penyokong kerajaan memulakan pertempuran itu dan seramai 70 terbunuh dan Suu Kyi juga tercedera.

Suu Kyi yang dibebaskan dari tahanan rumah tahun lalu, sedang melakukan lawatan politik di utara negara itu.

Yangon ditadbir tentera sejak 1962 dan kumpulan jeneral yang memerintah sekarang berkuasa pada 1988. Mereka bagaimanapun enggan menyerahkan pentadbiran itu selepas pilihan raya pada 1990 yang menyaksikan mereka tewas di tangan Suu Kyi.

Razali berkata, beliau juga menyampaikan pendirian PBB kepada junta Myanmar supaya memastikan kejadian seumpama itu tidak lagi berulang dan meneruskan perbincangan berhubung beberapa perkara, termasuk rundingan damai dengan pihak pembangkang.

"Saya menegaskan apa yang paling penting ialah kejadian seumpama itu tidak lagi berulang dan perbincangan mengenai pelbagai perkara disambung semula," katanya.

Mengenai pertemuan beliau dengan Suu Kyi, Razali berkata, tidak banyak dapat dibincangkan dalam pertemuan singkat 30 minit yang turut dihadiri pegawai tentera Myanmar.

Tanpa menyatakan tarikh khusus, Razali berkata beliau akan kembali ke Myanmar dalam bulan ini selepas mengemukakan laporan kepada Setiausaha

Agung PBB, Kofi Annan, dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai hasil misi lima hari itu dan tindakan susulan yang perlu diambil.